

RAJIS BERBUKA PUASA BERSAMA
IAK – ANAK YATIM PERTUHUHAN
BAJIKAN RUMAH ILATUR HIM
URUL O AHAH



“
Tuduhan syirik
itu tuduhan
yang berat
dan ekstrem.
Pengamalan
nasyid ini tidak
beriktikad
bahawa *Nur
Muhammad* itu
adalah Tuhan.”

Nasyid *Hasbi Rabbi* syirik?

APAKAH hukum menyanyikan nasyid *Hasbi Rabbi* kerana ada pendapat menyatakan lirik nasyid ini adalah syirik kerana menyatakan *Nur Muhammad* adalah Tuhan?

JAWAPAN: Lafaz zikir paling baik adalah lafaz yang sabit dalam nas al-Quran dan hadis. Terdapat banyak zikir yang sabit dalam riwayat hadis. Bagi sesiapa yang ingin mendalami masalah zikir, maka boleh merujuk kepada kitab-kitab. Antaranya kitab *al-Azkar* karya Imam al-Nawawi.

Adapun ungkapan nasyid atau zikir *Hasbi Rabbi Jalla Allah...* saya tidak dapat memastikan sabitnya dalam riwayat hadis. Kemungkinan

Soal jawab agama

Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

ada, namun setakat ini belum dijumpai sekadar pengajian dan bacaan saya.

Walau bagaimanapun, tuduhan syirik itu tuduhan yang berat dan ekstrem. Pengamalan nasyid ini tidak beriktikad bahawa *Nur Muhammad* itu adalah Tuhan. Sebaliknya sekadar mengungkapkan dengan maksud ia adalah Nabi Muhammad SAW.

Apabila diteliti dalam nas al-Quran, terdapat sekitar 30

lafaz ‘Nur’ dalam al-Quran. Antaranya dalam surah al-Maidah ayat 15. Pada akhir ayat ini, disebut bahawa lafaz ‘Nur’.

Menurut satu tafsiran ulama, lafaz ‘Nur’ dalam ayat ini bermaksud Nabi Muhammad. Maka jika begitu, tiada masalah dengan ungkapan nasyid ini.

Bagi yang tidak mahu membaca nasyid ini adalah harus, namun tidak sewajarnya dituduh syirik terhadap orang yang membacanya.



Elakkan solat berseluar ketat

RAMAI lelaki pada hari ini memakai seluar ketat dan mereka bersolat. Adakah solatnya sah?

JAWAPAN: Sebaik-baiknya untuk mendirikan solat adalah dengan berseluar longgar. Ini kerana syarat sesuatu pakaian itu mestilah longgar dan tidak menampakkan bentuk badan.

Justeru, seluar yang ketat akan menampakkan bentuk badan. Oleh itu, sewajarnya golongan lelaki melonggarkan sedikit seluar masing-masing. Ini lebih yakin sah solat berbanding solat dengan berseluar ketat.

Islam haramkan seks songsang

ADAKAH Islam menerima seks songsang seperti gay dan lesbian?

JAWAPAN: Kefahaman terhadap al-Quran dan hadis Nabi hendaklah bersandarkan disiplin ilmu. Ia bukanlah dengan sekadar membaca al-Quran lalu dibuat kesimpulan bahawa Islam tidak pernah menegah amalan homoseks.

Homoseks adalah haram dalam Islam. Tiada seorang pun ulama muktabar menyatakan bahawa homoseks adalah halal. Bahkan al-Quran menceritakan bahawa umat Nabi Lut yang melakukan homoseks dihukum oleh Allah di dunia lagi.

Homoseks dalam al-Quran disebut sebagai perbuatan keji.

Bagi insan yang melakukannya secara

senyap dan diam-diam, itu adalah hal sendiri. Namun apabila dia menyebarkan dan memperjuangkannya, ini bermaksud perlunya tenaga dan gerakan dakwah digerakkan dengan lebih kuat.

